



JOM LOKAL TRAVEL – DARAT DOMESTIK

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Kemalangan Diri Jom Lokal Travel. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.
2. Anda dinasihatkan untuk mencatat jadual manfaat untuk Kematian dan Hilang Upaya dalam polisi insurans anda. Anda mesti mencalonkan penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi yang telah anda beli. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.
3. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

1. Apakah produk ini?

Ini adalah produk insurans perjalanan untuk perjalanan domestik darat di Malaysia. Produk ini menyediakan perlindungan untuk Kemalangan Diri dan Hilang Upaya Kekal, Kos Perubatan akibat Kemalangan, Penghantaran Pulang Jenazah, perlindungan kad kredit/e-dompet dan gangguan perjalanan akibat kerosakan kenderaan.

Perlindungan yang disediakan disenaraikan dalam Perkara 3 di bawah. Untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan yang disediakan, sila baca kontrak polisi.

Sila ambil perhatian tentang Pengecualian dalam polisi dengan membaca senarai Pengecualian Utama dalam Perkara 7 di bawah atau kontrak polisi.

2. Siapa boleh membeli produk ini?

Produk ini boleh dibeli oleh semua rakyat Malaysia, pemastautin tetap di Malaysia, pemegang Pas Pekerjaan/Permit Kerja Malaysia (termasuk pasangan dan tanggungan yang tinggal di Malaysia), pemegang pas lawatan sosial jangka panjang atau pas pelajar yang kini menetap di Malaysia, yang mana pas tersebut dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia yang berkenaan.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

- Kematian Akibat Kemalangan*
- Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan*
- Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan*
- Yuran Ambulans Tempatan akibat Kemalangan*
- Penghantaran Pulang Jenazah akibat Kemalangan*

Generali Insurance Malaysia Berhad No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W) No. Cukai: W10-1808-31015017

Pusat Khidmat Pelanggan Generali: Level 1, Menara Generali, 27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 E-mel: customer.service.gi@generali.com.my Laman Web: www.generali.com.my

- Keracunan Makanan*
- Kehilangan Kad Kredit*
- Perlindungan e-Dompet/Dompet Digital*
- Kehilangan Telefon Bimbit akibat Kecurian Ragut/Rompakan*
- Pembatalan Perjalanan*
- Pembayaran balik untuk Gangguan Perjalanan akibat kerosakan kenderaan yang ditetapkan**
 - o Perbelanjaan tunda kenderaan
 - o Perbelanjaan pembaikan kecil di tepi jalan
 - o Pengangkutan alternatif
 - o Lebihan sewa kereta

Nota:

- * Jumlah yang diinsuranskan adalah untuk setiap orang yang diinsuranskan dalam kenderaan, tertakluk kepada had 5 atau 7 orang berdasarkan pelan yang dipilih.
- ** Perlindungan dipertingkatkan sekiranya orang yang diinsuranskan mempunyai polisi Generali lain yang berkuat kuasa selain Jom Lokal Travel.

Pelan yang ditawarkan adalah untuk Individu, Kumpulan 5 atau 7 orang, dengan perlindungan sehingga 15 hari.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium yang harus anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung pada pelan pilihan Anda, tempoh perlindungan dan syarat pengunderaitan Kami:

Contoh:

- 1) Pelan perjalanan darat domestik untuk kumpulan yang terdiri daripada 5 orang selama 3 hari, anggaran premium kasar termasuk komisen pengantara hanya RM35.00

5. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- | | |
|---|----------------------|
| i. Komisen dibayar kepada pengantara insurans | 25% daripada premium |
| ii. Cukai Perkhidmatan | 8% daripada premium |
| iii. Duti Setem | RM10.00 |

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kewajipan pendedahan - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang Anda tahu atau patut ketahui seperti aktiviti peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- Tunai Sebelum Perlindungan - Premium penuh mesti dibayar kepada Kami atau pengantara sah Kami sebelum tarikh kuat kuasa polisi
- Had Usia - Anda / pemegang polisi mestilah berusia sekurang-kurangnya 18 tahun dan semua orang yang diinsuranskan (jika ada) mestilah tidak melebihi usia 80 tahun atau kurang daripada 30 hari.
- Pemandu yang layak - Anda / orang yang diinsuranskan yang akan memandu kenderaan yang ditetapkan untuk pelan ini perlu memiliki lesen memandu sah yang diiktiraf di Malaysia.
- Tuntutan - Sekiranya berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda harus memaklumkan kepada Kami selewat-lewatnya 45 hari dari tarikh kejadian tersebut. Semua dokumen sokongan yang membuktikan kerugian mesti diserahkan kepada kami untuk menyokong tuntutan anda.
- Pengecualian Perlindungan: Sila ambil perhatian tentang Pengecualian di bawah Polisi ini dengan membaca klausa Pengecualian dalam kontrak polisi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi perkara berikut:

- Keadaan Perubatan Sedia Ada
- Menjalankan perjalanan walaupun tidak disarankan dari segi perubatan
- Sebarang jenis Pandemik, kecuali disebut secara khusus
- Terlibat dalam aktiviti luar pantai, pengendalian letupan

- Kerugian atau perbelanjaan yang menyebabkan Kami melanggar sekatan perdagangan atau ekonomi
- Perang, tindakan musuh asing, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV)
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan, kehamilan
- Sukan profesional berbahaya, perlumbaan
- Sekiranya anda anggota kru pesawat
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah, tidak siaman
- Sebarang jenis kerugian atau kerosakan turutan

***Nota:** Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

8. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Walau bagaimanapun, pemulangan premium tidak akan dilakukansetelah Sijil Insurans dikeluarkan.

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan terhadap maklumat hubungan saya?

Anda haruslah memaklumkan kepada Kami mengenai sebarang perubahan dalam profil hidup anda termasuk aktiviti peribadi yang akan mempengaruhi profil risiko..

10. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Generali Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

E-mel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Sila rujuk kepada cawangan atau pengantara kami yang terdekat untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan ini adalah sah pada 24 Februari 2025.